

LITERASI CUKAI- SUATU KAJIAN KE ATAS TAHAP DAN FAKTOR PENGALAK DIKALANGAN INDIVIDU DENGAN PENDAPATAN PENGGAJIAN DI MALAYSIA

TAX LITERACY- A STUDY ON THE LEVEL AND THE INFLUENCING FACTORS AMONG INDIVIDUAL WITH EMPLOYMENT INCOME IN MALAYSIA

Siti Zaidah Turmin¹
Mohamad Noor Hisham Osman²

¹Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia. (Email: zaidah@upm.edu.my)

Accepted date: 03-12-2017

Published date: 20-12-2018

To cite this document: Turmin, S. Z., & Osman, M. N. H. (2018). Literasi Cukai – Suatu Kajian Ke atas Tahap dan Faktor Penggalak Dikalangan Individu dengan Pendapatan Penggajian di Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(16), 01-11.

Abstrak: Literasi cukai didefinisikan sebagai pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pembayar cukai untuk menguruskan isu-isu berkaitan cukai individu. Ianya dapat memberikan impak yang signifikan ke atas isu-isu percukaian yang merangkumi aspek moral, pematuhan cukai dan hasil cukai. Tahap literasi cukai yang tinggi dikaitkan dengan peningkatan hasil kerajaan, sebaliknya literasi cukai yang rendah akan menyumbang kepada kemerosotan hasil negara. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap literasi cukai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya di kalangan pembayar cukai individu. Soal selidik diedarkan kepada 250 sampel kajian yang terdiri daripada pekerja dengan pendapatan penggajian yang meliputi kawasan Selangor dan Kuala Lumpur. Data kajian dianalisa menggunakan teknik statistik diskriptif dan ujian regrasi berganda. Hasil kajian mendapati bahawa responden menunjukkan tahap literasi cukai yang memuaskan berkaitan item di bawah kategori tanggungjawab dan hak sebagai pembayar cukai, pendapatan penggajian, pelepasan individu, rebat serta kesalahan, penalti dan kompaun. Bagaimanapun, kajian menemukan tahap pengetahuan cukai yang tidak memuaskan berkaitan dengan item di bawah kategori pelepasan anak. Hasil ujian regrasi berganda pula menunjukkan bahawa tahap literasi cukai mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan faktor umur dan tahap pendidikan pembayar cukai, manakala faktor status perkahwinan pula menunjukkan hubungan signifikan yang negatif ke atas tahap pengetahuan cukai. Faktor jantina, jawatan dipegang, tahap pendapatan dan jenis pekerjaan adalah tidak signifikan dalam mempengaruhi tahap literasi cukai.

Kata Kunci: Literasi Cukai, Pekerja, Pendapatan Penggajian.

Abstract: *Tax literacy is defined as the knowledge which an individual should possess in order to manage the issues concerning personal taxation effectively. It contributes a significant impact on tax issues including moral aspects, tax compliance and tax revenue. The high level of tax literacy is associated with increased government revenue, while low tax literacy will contribute to the deterioration of state revenue. This study aims to look at the level of tax literacy and its determinants upon individual with employment income. The questionnaire was distributed to 250 respondents comprising employees with employment income in the area of Selangor and Kuala Lumpur. The data were analyzed using descriptive statistical analysis and multiple regression tests. Findings revealed that respondents showed satisfactory tax literacy levels related to items under the category of responsibilities and rights as taxpayers, employment income, individual relief, rebates and offenses as well as penalties and compounds. However, the study found unsatisfactory level of tax literacy related to items under the category of child relief. Results of multiple regression analysis indicated that tax literacy has significant positive relationships with factors of age and education level of taxpayers, while factors of marital status indicated a significant negative relationship to tax literacy. Gender factors, positions held, income levels and employment types are insignificant in influencing the level of tax literacy.*

Keywords: *Tax Literacy, Individual, Employment Income*

Pengenalan

Percukaian merupakan satu instrumen ekonomi yang amat penting untuk menjana hasil bagi pembangunan sesebuah negara. Di antara matlamat percukaian adalah untuk meningkatkan hasil kerajaan bagi menjalankan program-program pembangunan dan kebajikan, mengekalkan kesamaan ekonomi, memperbaiki kondisi ekonomi masyarakat, menggalakkan pengeluaran dan pengagihan produk keperluan asas dan mengurangkan pengeluaran produk tidak bermanfaat dan import dagangan untuk melindungi industri domestik dan nasional.

Berikutan kepentingan cukai dalam menjana hasil negara, adalah amat penting untuk kerajaan bagi memastikan pembayar cukai menunaikan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai. Dalam meningkatkan kepatuhan membayar cukai di kalangan pembayar cukai, kefahaman mengenai bagaimana dan untuk apa kutipan cukai dibelanjakan adalah sangat penting (Mohamad Ali Roshidi, Mustafa dan Mohd Asri, 2007). Penting juga untuk pembayar cukai mengetahui dan memahami peranan mereka sebagai pembayar cukai di dalam sebuah negara membangun. Perkara ini dapat dicapai melalui pengumuman awam melalui medium akhbar, internet, majalah dan media telekomunikasi yang lain. Kamus Merriam-Webster's Collegiate (2017) mendefinisikan literasi cukai sebagai "kualiti atau keadaan yang berpengetahuan". Manakala Bhushan dan Medury (2013) menerangkan literasi cukai sebagai ilmu yang patut dimiliki oleh seseorang individu untuk menguruskan isu-isu pecukaian individu secara efektif. Dengan memiliki pengetahuan cukai, individu dapat menerima maklumat percukaian dan menerangkannya dalam sistem domestik dan antarabangsa (Cvrlje, 2015). Tahap pengetahuan cukai yang rendah dihubungkan dengan penurunan hasil cukai, begitu juga sebaliknya (Mutascu dan Danuletiu, 2013). Pengetahuan cukai memberikan impak yang signifikan ke atas moral, pematuhan dan hasil cukai negara (Cvrlje, 2015).

Malaysia berada di landasan yang tepat untuk menjadi sebuah negara membangun dengan pendapatan penduduk yang tinggi menjelang tahun 2020 (Idris, 2017). Memandangkan

kutipan cukai merupakan sumber pendapatan negara yang penting, buta huruf cukai di kalangan pembayar cukai akan menjadi penghalang bagi negara untuk mencapai tahap sebagai sebuah negara maju. Bagaimanapun, masih terdapat ruang-ruang pembaikan bagi Malaysian dalam meningkatkan tahap literasi cukai sehingga 99 peratus menjelang tahun 2020 (Muhyiddin, 2009). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap literasi cukai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian di Malaysia.

Kajian Lepas

Bhushan dan Medury (2013) menjalankan kajian mengenai hubungan di antara literasi cukai dan faktor-faktor demografi dan sosio ekonomi di India. Soal sedilik berstruktur diedarkan kepada 516 pekerja di daerah Shimla, Solan dan Kangra, Himachal Pradesh, India. Keputusan analisa deskriptif menunjukkan bahawa tahap keseluruhan literasi cukai responden kajian adalah tidak memberangsangkan iaitu 57.08 peratus, justeru menggambarkan bahawa responden masih tidak mengambil berat akan isu-isu percukaian individu. Tahap literasi cukai didapati berbeza mengikut latar belakang demografi dan sosio ekonomi responden. Keputusan analisis ANOVA menunjukkan bahawa tahap literasi cukai adalah berhubungan positif dengan faktor umur, tahap pendidikan dan tahap pendapatan responden. Tahap literasi yang lebih tinggi ditunjukkan oleh individu lelaki, pekerja di kawasan bandar dan pekerja di sektor swasta.

Kajian yang dilakukan oleh Cvrlje (2015) membincangkan tentang kepentingan literasi cukai dan kesan-kesan yang mungkin berlaku akibat buta huruf cukai dalam konteks negara Croatia. Walaupun penalti berat dan penghinaan awam dijalankan di Croatia, langkah-langkah ini tidak menunjukkan hasil yang memberangsangkan dalam memerangi ketidakpatuhan cukai dan aktiviti ekonomi tersembunyi yang berlaku. Oleh yang demikian, Cvrlje (2015) mencadangkan agar usaha ke arah peningkatan tahap literasi cukai dilakukan oleh kerajaan untuk mengutuhkannya moral dan pematuhan cukai. Kajian membuat kesimpulan bahawa kerajaan harus mengambil langkah yang lebih proaktif dalam menjalankan projek berkaitan literasi cukai untuk melahirkan generasi pembayar cukai yang berpengetahuan dan mempunyai tanggungjawab sosial yang baik ke atas urusan percukaian individu.

Terdahulu, Mutascu dan Danuletiu (2013) menjalankan kajian berkaitan hubungan di antara literasi cukai dan hasil cukai. Kajian dilakukan ke atas 123 negara termasuk Australia, Filipina, Egipt, Ireland dan Hungary bagi tempoh di antara tahun 1996 sehingga 2010. Hasil kajian mendapati bahawa tahap literasi cukai adalah berbeza mengikut individu dan negara yang berbeza. Terdapat hubungan di antara tahap literasi cukai yang sangat rendah dengan penurunan hasil cukai, begitu juga sebaliknya. Negara-negara yang miskin didapati mempunyai tahap literasi cukai yang sangat rendah, di mana pembayar cukai di negara-negara seperti ini dikatakan sama ada tidak mempunyai pengetahuan cukai atau memiliki tahap pengetahuan cukai yang sangat tidak memberangsangkan. Mereka juga didapati tidak memahami perlembagaan cukai yang utama. Bagi negara-negara yang berada di tahap produk domestik kasar yang sederhana, kajian menunjukkan bahawa kapasiti untuk rakyat memahami persekitaran percukaian adalah pada tahap minima. Bagaimanapun, bagi negara-negara maju di mana penduduknya mempunyai tahap literasi cukai yang baik, pembayar cukai mempunyai kapasiti yang lebih baik untuk memahami persekitaran percukaian. Kajian merumuskan bahawa bagi negara maju dengan tahap literasi yang tinggi di kalangan penduduknya, peningkatan hasil cukai dapat dilakukan melalui peningkatan tahap literasi cukai. Sebaliknya, bagi negara miskin, peningkatan hasil cukai hanya boleh diperolehi

apabila peningkatan tahap literasi cukai disertakan dengan polisi pertumbuhan ekonomi yang bersifat koheren untuk mengekalkan asas percukaian.

Penyelidikan oleh Mouckova dan Vitek (2018) adalah di antara kajian terbaru di dalam bidang literasi cukai. Mouckova dan Vitek (2018) mengukur tahap literasi berkaitan cukai pendapatan individu dan cukai nilai tambah dikalangan 150 responden yang terdiri daripada para pelajar ijazah pertama di dalam bidang percukaian dan polisi percukaian di University of Economics, Prague. Selain itu, kajian juga melihat kepada dua pengaruh faktor iaitu pernah lulus dalam kursus percukaian dan pengalaman dalam mengisi borang nyata pendapatan ke atas tahap literasi cukai di kalangan responden. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kaji selidik di mana data dikutip melalui soalselidik yang diedarkan kepada responden. Data dianalisa menggunakan kaedah diskriptif dan ujian hipotesis. Hasil kajian mendapati bahawa untuk bahagian cukai pendapatan individu, hanya 9 soalan yang berjaya dijawab dengan betul oleh responden dengan min 8.7, manakala untuk bahagian cukai nilai tambah pula, 7 soalan berjaya dijawab dengan betul dengan nilai min 6.7. Kajian juga menunjukkan bahawa literasi cukai berkaitan dengan cukai pendapatan individu adalah tidak dipengaruhi oleh kedua-dua faktor yang diuji, manakala literasi cukai berkaitan dengan cukai nilai tambah dipengaruhi oleh faktor pengalaman responden dalam mengisi borang nyata pendapatan.

Kajian terkini juga turut dilakukan oleh Bornman dan Wassermann (2018). Kajian adalah berbentuk teoretikal di mana tujuan utama kajian adalah untuk mengilustrasikan kerangkakerja konseptual literasi cukai sebagai alat untuk mengenalpasti risiko pematuhan cukai di kalangan individu di dalam ekonomi digital. Kajian memfokuskan kepada risiko kekurangan pengetahuan, kemahiran dan sumber maklumat yang dihadapi oleh pembayar cukai. Kerangkakerja yang dihasilkan di dalam kajian ini mengandungi tiga elemen utama iaitu kesedaran cukai, pengetahuan dan kemahiran kontekstual dan pembuatan keputusan. Kesedaran cukai merujuk kepada kefahaman setiap individu tentang peranan mereka di dalam kontrak sosial dengan kerajaan yang merupakan keperluan asas untuk mencapai tahap literasi cukai. Pengetahuan dan kemahiran kontekstual pula merujuk kepada kebolehan untuk berinteraksi dengan pihak berkuasa cukai dan memahami bagaimana seseorang individu itu akan dicukai. Manakala pembuatan keputusan pula merujuk kepada penglibatan pembayar cukai dalam memenuhi obligasi cukai mereka. Bornman dan Wassermann (2018) merumuskan bahawa kesedaran cukai di kalangan individu adalah dipengaruhi oleh faktor sosial dan persekitaran. Kajian membuktikan bahawa wujudnya cabaran yang unik berkaitan pengetahuan cukai pada era ekonomi digital. Untuk menjadi pembayar cukai yang mempunyai literasi cukai yang baik, pembayar cukai perlu berwaspada dengan cabaran-cabaran ini untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang tepat tentang obligasi cukai mereka. Selain itu, pembayar cukai dan pentadbir cukai perlu sentiasa maklum akan risiko-risiko ini untuk mengatur strategi bagi menangani isu-isu cukai di dalam era ekonomi digital.

Hipotesis Kajian

Terdapat 7 hipotesis yang dicadangkan bagi tujuan kajian ini iaitu :

Hipotesis 1:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor jantina dengan tahap literasi cukai di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian.

Hipotesis 2:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor umur dengan tahap literasi cukai di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian.

Hipotesis 3:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor status perkahwinan dengan tahap literasi cukai di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian.

Hipotesis 4:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor pekerjaan dengan tahap literasi cukai di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian.

Hipotesis 5:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor tahap pendidikan dengan tahap literasi cukai di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian.

Hipotesis 6:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor tahap pendapatan dengan tahap literasi cukai di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian.

Hipotesis 7:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor jawatan dipegang dengan tahap literasi cukai di kalangan pekerja dengan pendapatan penggajian.

Metodologi

Kajian ini dijalankan melalui kaedah kajiselidik di mana soal selidik diedarkan kepada 250 orang responden dengan menggunakan teknik persampelan mudah. Soalselidik diedarkan kepada 250 orang individu dengan pendapatan penggajian yang terdiri daripada pekerja di kawasan Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Melalui pendekatan persampelan mudah ini, kajian dapat dijalankan dengan lebih cepat, dan murah dengan kebebasan untuk memilih responden kajian yang dirasakan mudah dihubungi untuk memberikan maklumbalas (Sekaran, 1992; Cooper and Schindler, 1998).

Kajian menggunakan soalselidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Untuk mengukur tahap literasi pembayar cukai, soalselidik berstruktur yang terbahagi kepada dua bahagian digunakan. Soalselidik Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latarbelakang demografik pembayar cukai yang meliputi jantina, umur, status perkahwinan, jenis pekerjaan, tahap pendidikan, jumlah pendapatan dan jawatan dipegang. Manakala soal selidik di Bahagian B pula merangkumi enam kategori item-item literasi cukai yang bertujuan menguji pengetahuan asas cukai yang dimiliki oleh responden. Item-item tersebut terdiri daripada hak dan tanggungjawab umum pembayar cukai, jumlah pendapatan penggajian, pelepasan cukai individu, pelepasan anak di bawah tanggungan, rebat cukai dan kesedaran mengenai kesalahan cukai, penalti dan kompaun. Jawapan untuk soal selidik Bahagian A adalah berbentuk tegas iaitu “ya” atau “tidak” serta jawapan pelbagai pilihan. Manakala soal selidik Bahagian B pula dijawab berdasarkan skala likert 1 hingga 6. Data seterusnya dianalisa menggunakan kaedah statistik diskriptif dan ujian regresi berganda.

Sebelum data sebenar dianalisa, ujian rintis dilakukan untuk menilai kefahaman responden terhadap soalan-soalan yang dibentuk dan menilai kerelevanan soalan. Ujian rintis memberikan sumbangan yang besar dalam menyemak dan menstrukturkan kembali ayat, susunan soalan-soalan yang dibentuk dan surat pengenalan kajian (Oppenheim, 1966). Melalui ujian rintis yang dijalankan, seramai 25 orang pembayar cukai individu telah diminta memberikan maklumbalas terhadap soalselidik yang diedarkan.

Setelah maklumbalas diperolehi daripada responden kajian, ujian kebolehpercayaan dijalankan untuk mengukur konsistensi dalaman item-item kajian. Terdapat pelbagai teknik

dalam melakukan analisa kebolehpercayaan. Kajian ini menggunakan teknik Cronbach's alpha, di mana ia adalah tahap atau batasan minima kebolehpercayaan sebenar sesuatu kajian dan merupakan teknik yang sering digunakan dalam mengukur kebolehpercayaan. Croanbach's alpha adalah koeffisyen yang mengukur sejauhmana sesuatu item kajian berkorelasi secara positif dengan item yang lain (Sekaran, 1992). Ia diukur berdasarkan nilai korelasi purata item-item yang mengukur sesuatu konsep dalam kajian. Semakin hampir nilainya dengan 1, semakin tinggi kebolehpercayaan konsistensi dalaman item-item kajian (Sekaran, 1992). Pengukuran konsistensi dalaman item-item kajian menggunakan teknik ini adalah lebih baik kerana ia boleh digunakan bagi item-item yang mempunyai skor lebih daripada tiga, contohnya seperti soalan kajian yang menggunakan pengukuran Likert (Huck and Cormier, 1996).

Setelah selesai proses pengutipan data daripada responden kajian, data-data dianalisa menggunakan kaedah statistik deskriptif dan regresi berganda. Analisa diskriptif dilakukan bagi meninjau dan memahami data-data, seterusnya merumus dan menerangkan hasil pemerhatian ke atas data-data. Manakala analisa regresi berganda pula adalah untuk menguji hipotesis kajian. Melalui analisa ini, hubungan yang wujud di antara pembolehubah bersandar iaitu tahap literasi cukai dengan beberapa pembolehubah tidak bersandar di dalam kajian (i.e. jantina, umur, jenis pekerjaan, jawatan, status perkahwinan, tahap pendidikan dan pendapatan) dapat dilihat. Selain itu, analisa ini juga dapat digunakan untuk menilai sejauhmana pembolehubah bersandar kajian dapat diterangkan melalui nilai pembolehubah tidak bersandar yang telah diketahui (Tabachnick dan Fidell, 2001). Kajian ini menggunakan kaedah *enter* di mana kesemua pembolehubah tidak bersandar kajian dimasukkan ke dalam persamaan regresi sekaligus tanpa mengira nilai signifikannya.

Hasil kajian dan perbincangan kajian

Daripada jumlah 250 soal selidik yang diedarkan, 102 telah dikembalikan semula dan boleh digunakan. Kadar maklumbalas responden adalah sekitar 40.8 peratus. Menurut Kerlinger dan Pedhazur (1973), kadar maklumbalas yang diterima umum untuk kajian yang menggunakan instrument soalselidik adalah sekitar 20% hingga 40%. Dengan ini, kadar maklumbalas kajian ini adalah boleh diterima pakai.

Jadual 1
Latarbelakang Demografi Responden

	Bilangan	Peratus (%)		Bilangan	Peratus (%)
Jantina			Majikan		
Lelaki	33	32.4	Kerajaan	62	60.8
Perempuan	69	67.6	Swasta	40	39.2
Umur			Jawatan		
21-25	18	17.6	Perkeranian	53	52.0
26-30	27	26.5	Pegawai	37	36.3
31-35	31	30.3	Pengurus	5	4.9
36-40	12	11.8	Pengurusan senior	3	2.9

41-45	5	4.9	Pengarah	4	3.9
46-50	5	4.9			
51-55	2	2.0			
56 dan ke atas	2	2.0			
Status Perkahwinan			Pendapatan (RM)		
Bujang	47	46.1	< 1,000	2	2.0
Berkahwin	51	50.0	1,001-2,000	31	30.4
Duda/ Balu	4	3.9	2,001-4,000	43	42.2
			4,001-6,000	16	15.7
Pendidikan			6,001-8,000	5	4.9
SPM/STPM	18	17.6	8,001-10,000	1	1.0
Sijil / Diploma	43	42.2	>10,000	4	3.9
Ijazah / Profesional	35	34.3			
Master	4	3.9			
PhD	2	2.0			

Jadual 1 menunjukkan taburan demografi responden. Responden kajian terdiri daripada 69 orang perempuan dan 33 orang lelaki. Majoriti responden (n=58) adalah dalam lingkungan umur 26 tahun hingga 35 tahun, yang menggambarkan golongan pekerja usia pertengahan di Malaysia. Hampir separuh daripada responden telah berkahwin (n=51), manakala 47 orang responden berstatus bujang. 43 orang responden adalah pemegang diploma dan 35 orang lagi memiliki sama ada ijazah atau kelulusan professional. Sebahagian besar daripada responden (n=53) adalah bukan pegawai, manakala 37 orang responden menjawat jawatan sebagai pegawai. 43 orang responden memperolehi pendapatan penggajian di antara RM 2001 sehingga RM 4000. Lebih daripada separuh responden (n=62) adalah kakitangan kerajaan dan 40 orang lagi merupakan pekerja swasta. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa responden kajian terdiri daripada pembayar cukai yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi jantina, umur, tahap pendidikan, pendapatan dan jenis pekerjaan.

Jadual 2
Croanbach's Alpha

Kategori Item Literasi cukai	Croanbach's Alpha
Tanggungjawab umum dan hak pembayar cukai	0.928
Pendapatan	0.886
Pelepasan individu	0.848
Pelepasan anak	0.864
Rebat cukai	0.844
Kesalahan cukai dan penalti	0.960

Jadual 2 menunjukkan nilai-nilai Croanbach's Alpha yang diperolehi daripada ujian kebolehpercayaan yang dijalankan. Nunnally (1967) mencadangkan nilai 0.50 sebagai tahap

terendah konsistensi dalaman menggunakan pengukuran Croanbach's Alpha. Didapati bahawa nilai Croanbach's Alpha terendah bagi kategori item literasi cukai ialah 0.884 dan yang tertinggi ialah 0.960. Oleh yang demikian, nilai konsistensi dalaman item-item literasi cukai dalam kajian ini adalah boleh diterima pakai.

Jadual 3
Statistik Diskriptif – Tahap Literasi Cukai

Kategori Item Literasi Cukai	Nilai Min
Tanggungjawab umum dan hak pembayar cukai	4.2353
Pendapatan	4.2196
Pelepasan individu	4.5074
Pelepasan anak	3.6732
Rebat cukai	4.3922
Kesalahan cukai dan penalti	3.7288

Jadual 3 menunjukkan nilai min bagi setiap kategori item literasi cukai. Item di bawah kategori tanggungjawab umum dan hak pembayar cukai menunjukkan tahap literasi yang memuaskan dengan nilai min 4.235. Ini menunjukkan bahawa responden kajian telah melaksanakan ketiga-tiga tanggungjawab utama mereka selaku pembayar cukai iaitu mengisytiharkan jumlah pendapatan sebenar yang diterima daripada semua jenis pendapatan, menyimpan semua rekod dan dokumen berkaitan pendapatan dan perbelanjaan untuk tempoh tujuh tahun selepas menghantar borang nyata pendapatan dan membayar cukai dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh notis taksiran cukai dikeluarkan atau dalam tempoh lain yang ditetapkan. Seterusnya, penemuan kajian berkaitan item di bawah kategori pendapatan penggajian juga menunjukkan tahap literasi cukai yang memuaskan di kalangan responden kajian dengan nilai min 4.220, justeru menggambarkan kefahaman dan kesedaran pembayar cukai tentang apa yang perlu dimasukkan dan yang tidak perlu dimasukkan di dalam pengiraan pendapatan penggajian yang boleh dikenakan cukai.

Tahap literasi yang memuaskan di kalangan responden juga turut ditemui berkaitan item di dalam kategori pelepasan cukai individu dengan nilai min 4.507, yang menunjukkan kefahaman dan kesedaran responden mengenai pelepasan individu yang layak dituntut. Sebaliknya, hasil kajian bagi item di bawah kategori pelepasan anak menunjukkan tahap literasi yang tidak memuaskan. Nilai min adalah 3.673 di mana soalan yang diajukan bagi item di bawah kategori ini adalah melalui pernyataan negatif. Justeru, ini menunjukkan ketidakpastian responden kajian mengenai jenis-jenis pelepasan anak yang layak dituntut. Malahan, responden kajian juga tidak pasti mengenai sebarang perubahan jumlah pelepasan anak yang diumumkan oleh kerajaan. Selanjutnya, penemuan kajian berkaitan item di bawah kategori rebat menunjukkan tahap literasi cukai yang memuaskan dengan nilai min 4.392. Ini menggambarkan bahawa responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik berkaitan rebat cukai. Penemuan kajian yang terakhir berkaitan tahap literasi cukai adalah bagi item di bawah kategori kesalahan cukai, penalti dan kompaun. Dengan nilai min 3.729, literasi cukai di kalangan responden bagi item ini adalah pada tahap memuaskan, justeru menggambarkan bahawa responden sedar dan faham akan risiko penalti dan kompaun yang bakal mereka hadapi sekiranya berlaku ketidakpatuhan ke atas undang-undang percukaian.

Jadual 4
Analisa Korelasi

	Jantina	Umur	Status perkahwinan	Tahap pendidikan	Pekerjaan	Jawatan	Tahap pendapatan
Jantina	1.000						
Umur	-.034	1.000					
Status Perkahwinan	-.071	.507	1.000				
Tahap pendidikan	.001	.130	.001	1.000			
Pekerjaan	.017	-.312	-.292	.025	1.000		
Jawatan	-.173	.236	.184	.397	.101	1.000	
Tahap pendapatan	-.083	.616	.377	.412	-.240	.539	1.000

Jadual 4 menunjukkan analisis korelasi di antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan di dalam analisis regrasi berganda. Analisan korelasi digunakan untuk melihat kekuatan dan arah hubungan lurus di antara dua pembolehubah (Pallant, 2007). Nilai 0.7 dan ke atas dianggap sebagai korelasi yang kuat dan berupaya menyumbang kepada masalah ‘multicollinearity’. (Pallant, 2007). Hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa kesemua nilai korelasi Pearson adalah kurang daripada 0.7. Nilai korelasi tertinggi adalah 0.616. Ini menunjukkan bahawa tidak wujud masalah “multicollinearity” di antara pembolehubah-pembolehubah kajian.

Jadual 5
Analisa Regrasi Berganda
Kaedah ‘Enter’

Model	Pekali Tidak Standard		Pekali Standard		Sig
	B	Std Error	Beta	T	
Konstan	4.096	0.891		4.599	0.000
Jantina	0.302	0.184	0.157	1.638	0.105
Umur	0.139	0.082	0.245	1.703	0.092
Status Perkahwinan	-0.314	0.178	-0.198	-1.761	0.082
Pendidikan	0.222	0.112	0.215	1.978	0.051
Jawatan	-0.020	0.107	0.023	-0.188	0.852
Pendapatan	-0.048	0.116	-0.065	-0.418	0.677
Pekerjaan	-0.092	0.147	-0.065	-0.628	0.532
F	2.452				
Sig	0.015				
R²	0.193				
R² terlaras	0.115				
Durbin-Watson	1.604				

Jadual 5 menunjukkan hasil analisa ujiiian regrasi berganda. Hasil analisa menunjukkan hubungan kewujudan hubungan positif yang signifikan di antara tahap literasi cukai dengan faktor umur dan tahap pendidikan dengan $p < 0.1$. Justeru, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi umur dan tahap pendidikan, semakin baik tahap literasi pembayar cukai, begitu juga sebaliknya. Hasil analisis juga turut menemukan hubungan signifikan yang negatif di antara tahap literasi cukai dengan faktor status perkahwinan. Melalui kajian ini, pengukuran faktor status perkahwinan adalah berdasarkan kepada tiga kategori iaitu bujang, berkahwin dan balu atau duda. Oleh yang demikian, kajian lebih lanjut diperlukan untuk melihat hubungan spesifik di antara tahap literasi cukai dengan setiap kategori status perkahwinan yang berbeza. Selanjutnya kajian tidak menemui sebarang hubungan yang signifikan di antara tahap literasi cukai dengan faktor jantina, jawatan dipegang, tahap pendapatan dan jenis pekerjaan dengan nilai $p > 0.1$. Justeru, tahap literasi cukai adalah tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor ini. Dengan ini, hipotesis 2, 3 dan 5 adalah disokong, manakala hipotesis 1, 4, 6 dan 7 adalah ditolak.

Daripada analisis regrasi berganda yang dijalankan, kajian menghasilkan model regrasi seperti berikut:

$$\text{Tax Literacy} = 4.096 + 0.222e - 0.314m + 0.139a + \epsilon$$

di mana:

e = tahap pendidikan

m= status perkahwinan

a= umur

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap literasi cukai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya di kalangan pembayar cukai individu dengan pendapatan penggajian. Penemuan kajian membuktikan bahawa tahap literasi cukai berkaitan item di bawah kategori tanggungjawab umum dan hak pembayar cukai, pendapatan penggajian, pelepasan cukai individu, rebat cukai serta kesalahan cukai, penalti dan kompaun adalah berada pada tahap yang memuaskan. Sebaliknya, tahap literasi cukai di kalangan pembayar cukai adalah tidak memuaskan berkaitan item di bawah kategori pelepasan anak. Faktor umur dan tahap pendidikan adalah signifikan dalam mempengaruhi tahap literasi cukai secara positif, Faktor status perkahwinan juga adalah signifikan secara negatif dalam menentukan tahap literasi cukai. Faktor-faktor lain yang dikaji adalah tidak signifikan.

Sumbangan kajian dapat dilihat daripada perspektif pembuatan polisi dan ilmu pengetahuan. Pembinaan literasi cukai di kalangan pembayar cukai adalah amat penting dalam melahirkan suatu sistem percukaian yang efisien (Bhushnan dan Medury, 2013). Oleh yang demikian, penemuan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri selaku pentadbir cukai di Malaysia bagi mencari kaedah untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap literasi cukai di kalangan pembayar cukai individu di Malaysia. Kajian mencadangkan agar bakal-bakal pembayar cukai diberi pendedahan tentang pendidikan awal percukaian sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang isu-isu yang berkaitan dengan percukaian. Turut dicadangkan adalah perlaksanaan aktiviti seperti taklimat dan seminar serta bengkel percukaian yang dijalankan di tempat kerja sebagai usaha untuk meningkatkan tahap literasi cukai di kalangan pembayar cukai sedia ada. Selain itu, terdapat hujah yang mengatakan bahawa masih terdapat kekurangan di dalam kajian yang melibatkan isu literasi cukai dan kesannya ke atas kutipan hasil cukai (Mutascu dan Danuletiu, 2013). Justeru, penemuan hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan

dan kajian literatur di dalam bidang percukaian, terutamanya yang menyentuh tentang isu literasi cukai.

Rujukan

- Bhushan, P. dan Medury, M. 2013. Determining Tax Literacy of Salaried Individuals- An Empirical Analysis. *Journal of Business and Management*. 24 (6): 76-80.
- Bornman, M. dan Wassermann, M. 2018. Tax literacy in the digital economy. *eJournal of Tax Research*. 1-15.
- Cooper, D.R. dan Schindler, P.S. 1998. *Business research methods*. Ed. ke-6. Singapore: Irwin/McGraw-Hill.
- Cvrlje, D. 2015. Tax Literacy as an Instrument of Combating and Overcoming Tax System Complexity, Low Tax Morale and Tax Non-Compliance. *The MacrotHEME Review*. 4(3): 156-167.
- Huck, S.W. dan Cormier, W.H. 1996. *Reading statistics and research*. Ed. ke-2, New York: HarperCollins Publishers Inc.
- Kerlinger, F.N. dan Pedhazur, E.J. 1973. *Multiple regression in behavioural research*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Merriam-Webster's Collegiate Dictionary. 2017.
- Mohamad Ali Roshidi, A., Mustafa, M.H. dan Mohd Asri, M.N. 2007. The Effects of Knowledge on Tax Compliance Behaviours among Malaysian Taxpayers. Kertas Kerja yang dibentangkan di International Conference on Business and Information, Tokyo, Japan.
- Mouckova, M. dan Vitek, L. 2018. Tax Literacy. *Acta Universitatis Agriculturae Et Silviculturae Mendelianae Brunensis*. 66: 553-559.
- Mutascu, M. dan Danuletiu, D. 2013. The Literacy Impact on Tax Revenues. *Economics*. 2013-63.
- Nunnally, J.C. 1967. *Psychometric theory*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Oppenheim, A.N. 1966. *Questionnaire design and attitude measurement*. London: Heinemann Educational Books Ltd.
- Pallant, J. 2007. *SPSS Survival Manual*. Ed. ke-3. New York: McGraw Hill.
- Sekaran, U. 1992. *Research methods for business: a skill-building approach*. Ed. ke-2. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sekaran, U. 2006. *Research Methods for Business, A Skill Building Approach*. Ed. ke-4. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Tabachnick, B.G. dan Fidell, L.S. 2001. *Using multivariate statistics*. Ed. ke-4. Boston: Allyn and Bacon.
- The Star Online. Malaysians still not ready enough, says Muhyiddin. 19 April 2009.
- The Sun Daily. Malaysia on tract to become high income nation by 2020, says Idris Jala. 9 May 2017.